

## Hutang sekeliling pinggang

- SIRI 19

ADA orang yang berkata, hidup dalam dunia moden sekarang sesuatu yang sukar dielakkan, ialah berhutang. Apa juga barang yang kita mahu semuanya boleh dibeli dengan cara berhutang, dari membeli sebuah radio transistor hingga ke rumah batu dengan perabotnya sekali semua dengan mudah dibeli dengan berhutang. Kalau ada di antara kita yang demikian halnya, itulah yang dikatakan 'hutang sekeliling pinggang.'

Bagi ahli - ahli perniagaan pula mempunyai falsafah tersendiri, kalau tidak berhutang bukan berniaga namanya. Ada pula orang yang berfikir panjang takut pula kalau berhutang.

Bagaimanapun berhutang dapat dikatakan satu budaya hidup antara bangsa kerana semua bangsa dan negara di dunia ini terlibat belaka dengan hutang termasuk mana - mana kerajaan pun juga turut berhutang. Kerana itu

dalam adat pepatih jelas mengungkapkan kata - kata yang berkaitan dengan hutang ini:

Petua berhutang setempat  
Tuah berhutang beransur  
Celaka berhutang tak berbayar

Dari pepatah tersebut jelas menunjukkan orang tua - tua dulu juga turut melakukan hutang kalau tidak tentulah pepatah ini tidak dicipta. Sebaliknya pepatah ini memberi petua yang sangat tepat.

Kalau setiap orang mematuhi petua ini tentunya tidak ada pertengkaran dan pergaduhan sesama sendiri kerana hutang, malah tidak ada yang diseret ke mahkamah.

Satu lagi pepatah yang menyeluruh maksudnya termasuk mereka yang berhutang ialah mengenai mematuhi janji, cuba perhatikan pepatah ini:

Janji dibuat dimuliakan

Dalam janji digaduhkan (sentiasa diingat)

Sampai janji ditepati

Bagaimana pendapat saudara kalau kedua - dua pepatah yang tersebut dipatuhi dan diamalkan oleh setiap insan? Agama Islam sudah amat jelas memberikan petunjuk dalam kedua - dua perkara ini iaitu berhutang dan menunaikan janji.

Ada satu lagi pepatah yang mengingatkan kita supaya berhati - hati dan waspada dalam semua perkara termasuk memberikan pinjaman wang kepada rakan dan sahabat, kerana hutang juga tidak sedikit kawan menjadi lawan, sahabat menjadi musuh. Cuba renungkan pepatah ini:

Buat baik kepada - pada

Buat jahat jangan sekali.

Bagi saya kebenaran pepatah ini sudah tidak dapat disangkal lagi.



OLEH A. SAMAD IDRIS